

## **Impak Ketagihan Skrin Telefon Pintar dalam Kalangan Remaja Juvana**

NORHAWANIRWANA HABIDIN  
MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH\*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Penggunaan telefon pintar membawa kepada pelbagai impak yang banyak mengubah pengguna hari ini lebih agresif ke arah pembentukan masyarakat digital. Seterusnya kebergantungan terhadap teknologi komunikasi ini telah mengakibatkan fenomena ketagihan skrin. Kesan dari ketagihan skrin telefon pintar telah mencetuskan isu capaian kandungan bahan terlarang seperti penontonan pornografi. Sekaligus menjadikan sesetengah pengguna penonton tegar yang seterusnya terdedah kepada tingkah laku jenayah yang lain. Justeru objektif kajian ini adalah mensintesiskan impak dan pengalaman negatif ketagihan skrin telefon pintar dalam kalangan remaja juvana. Temu bual mendalam telah dijalankan ke atas 34 orang remaja juvana di dua buah Sekolah Tunas Bakti (STB) yang mendapat kebenaran dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kesemua sampel remaja juvana ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan berasaskan fail kes yang berkaitan dengan ketagihan skrin, mengakses kandungan bahan terlarang dan melakukan jenayah seksual. Hasil kajian mendapati implikasi dari ketagihan skrin telefon pintar mendorong dan mendedahkan informan kepada penontonan pornografi, sekaligus memberi impak sosial ke arah tingkah laku yang tidak bermoral dan perlakuan jenayah yang lain. Kajian ini mencadangkan, bantuan dari badan profesional seperti kaunselor dan pakar kesejahteraan mental dapat membantu memberi sokongan serta penyelesaian yang lebih sesuai dalam menanganinya. Oleh itu, satu kajian masa depan perlu dilaksanakan bagi mendalami isu-isu keselamatan berkaitan kebergantungan remaja terhadap ketagihan skrin telefon pintar.

**Kata kunci:** *Ketagihan skrin, telefon pintar, pornografi, remaja juvana, jenayah seksual.*

## **The Impact of Smartphone Screen Addiction among Juvenile Adolescents**

### **ABSTRACT**

The use of smartphones has resulted in various impacts that have significantly steered today's users towards a more aggressive engagement with the formation of the digital society. Moreover, the dependence on communication technology has given rise to the phenomenon of screen addiction. The consequences of smartphone screen addiction have sparked concerns related to access to explicit material, such as pornography, subsequently turning some users into hardcore viewers and exposing them to other criminal behaviours. Therefore, the aim of this study is to synthesize the negative impact and experiences associated with smartphone screen addiction among teenage juveniles. In-depth interviews were conducted with 34 teenage juveniles from two Tunas Bakti Schools (STB), with permission from the Department of Social Welfare (JKM). All samples of adolescent juveniles were purposefully selected based on case-related sampling criteria pertaining to screen addiction, access to illicit content, and involvement in sexual offenses. The study findings reveal that smartphone screen addiction has implications that drive and expose individuals to pornography consumption, thereby exerting a social impact on immoral behaviour and engagement in other criminal activities. This study recommends the involvement of professional organizations such as counsellors and mental health

\*Penulis koresponding: azul@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-17>

Diterima: 30 November 2023 | Diperakulkan: 7 February 2024 | Diterbitkan: 30 Mac 2025

experts to provide more suitable support and solutions in addressing this issue. Therefore, future research is needed to delve deeper into safety issues related to adolescents' dependence on smartphone screen addiction. This step is vital in understanding and mitigating the negative implications stemming from adolescents' reliance on smartphone screen addiction.

**Keywords:** *Screen addiction, smartphones, pornography, juveniles, sexual crimes.*

## PENDAHULUAN

Partisipasi masyarakat kini dipermudah dengan adanya penggunaan teknologi komunikasi dan capaian internet. Sejak teknologi digital dan internet diperkenalkan, pengguna terbuka luas dengan pelbagai maklumat yang boleh diakses secara bebas pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Justeru wujud capaian pelbagai kandungan maklumat yang tiada had dan tidak terkawal dalam kehidupan masyarakat masa kini (Rusi et al., 2022). Sebagai contoh, Malaysia mengutamakan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembangunan negara. Negara ini juga masih kekal mengaplikasikan dasar toleransi dan liberal berdasarkan garis panduan dalam menangani limpahan maklumat dari media (Kasim et al., 2022). Justeru tapisan terhadap kandungan media adalah tanggungjawab individu itu sendiri. Namun apabila sistem penapisan (*filtering system*) bergantung sepenuhnya kepada pengguna media, maka mereka bebas mengakses pelbagai maklumat, termasuklah membuat capaian kandungan bahan terlarang seperti bahan pornografi dan sebagainya. Capaian terbuka dan tanpa sekatan ini menyebabkan pengguna mencari maklumat atau kandungan berdasarkan minat dengan mudah. Tambahan lagi, ledakan pembangunan aplikasi media sosial yang semakin berkembang menjadi landasan untuk pengguna remaja memanfaatkan dan mendorong golongan ini memilih apa yang diinginkan tanpa bantuan penjaga atau ibu bapa (Ammer & Salleh, 2023; Sinurat et al., 2022). Hal ini kerana teknologi komunikasi moden ini mampu mengubah setiap lapisan masyarakat sehingga wujud fenomena ketagihan untuk menggunakan ke atas diri individu itu sendiri (Hu et al., 2020).

Rentetan dari itu, pengguna yang begitu taksub terhadap penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon pintar dikenali sebagai ketagihan skrin. Menurut Paulus et al. (2018), permasalahan ketagihan skrin dirujuk sebagai ketidakmampuan seseorang untuk mengawal kebergantungan terhadap gajet, aplikasi atau media sosial. Kewujudan telefon pintar menambahkan lagi kemudaratannya gejala ketagihan skrin, sekaligus menyebabkan timbulnya pelbagai masalah sosial akibat dari ketagihan tersebut. Ianya merangkumi pelbagai isu seperti masalah ketagihan dadah, ketagihan alkohol, ketagihan kandungan bahan terlarang, dan ketagihan seks bebas. Sebagai contoh, Abd Rahim dan Zulkifli (2022) menyatakan bahawa majoriti pengguna pada hari ini menggunakan telefon pintar tanpa had masa dan batasan. Penggunaan ini kerana pemilikan peribadi dan pemiliknya berkuasa penuh terhadap kandungan telefon pintar tersebut. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan impak ketagihan skrin dalam kalangan remaja juvana yang menjurus kepada tingkah laku ketagihan penontonan kandungan bahan terlarang terutamanya bahan pornografi. Artikel ini juga turut menjelaskan pengalaman secara mendalam terhadap kesan akses dan ketagihan skrin mendorong remaja tersebut terlibat dengan masalah sosial serta salah laku jenayah.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kewujudan telefon pintar merupakan satu ciptaan hebat. Peranti tersebut berupaya menghubungkan dua individu atau secara berkumpulan bagi tujuan komunikasi dua hala yang lebih berkesan. Ianya bukan sahaja bertindak sebagai medium perhubungan sesama manusia

malahan juga berfungsi sebagai pemangkin kecanggihan abad baru dengan mengambil alih keupayaan komputer, radio, kamera, peranti GPS, dan banyak lagi. Contohnya telefon pintar turut berupaya membantu meneroka pembelian dalam talian dan sangat membantu perhubungan sejagat sewaktu dunia dilanda pandemik COVID-19. Sehubungan itu, impak perkembangan teknologi telefon pintar ini memberi kesan positif dan negatif kepada penggunanya (Rahman et al., 2022).

Kewujudan teknologi telefon pintar yang tersambung dengan data dapat memastikan segala maklumat dan kandungan di internet dapat diakses dengan begitu mudah. Lambakan maklumat dan kandungan ini menyediakan pelbagai informasi yang diperlukan serta boleh dicapai dengan sekilip mata, kelebihan ini menyebabkan masyarakat digital kini mempunyai pendedahan yang sangat tinggi pada skrin telefon pintar. Justeru pendedahan dan kebergantungan yang terlalu kerap mengakibatkan ketagihan skrin. Ketagihan yang terlampau memberikan pelbagai implikasi negatif dalam kalangan pengguna. Wacks dan Weinstein (2021) turut berpendapat dan bimbang terhadap kesan negatif dari ketagihan skrin yang semakin berkembang dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Mereka turut menyatakan terdapat kecenderungan kepada penontonan kandungan bahan pornografi terutamanya dalam kalangan golongan ini. Seterusnya impak ketagihan ini menular kepada ketagihan kandungan bahan terlarang dan akhirnya terdapat sebahagian dari mereka terjerumus dalam kancah masalah sosial yang lebih serius.

Perkembangan teknologi komunikasi dan akses kandungan maklumat tanpa batasan oleh masyarakat digital masa kini menyebabkan kandungan ini boleh dicapai dengan mudah dan cepat. Situasi ini tidak seperti sebelum era pendigitalan kerana kandungan bahan ini hanya boleh dicapai bermula dari pita video dan cakera padat. Namun kini ianya boleh diakses secara dalam talian yang jauh lebih mudah dan juga percuma (McDonald, 2019; Roztocki et al., 2019; Ishmuradova et al., 2024). Faktor ini membawa kepada peningkatan fenomena pendedahan dan ketagihan skrin yang berlebihan serta memberi impak kepada capaian kandungan bahan terlarang dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia (Rowland et al., 2022).

Penggunaan dan penyebaran kandungan bahan ini melalui telefon pintar semakin berkembang, bukan sahaja melibatkan remaja bermasalah, malah melibatkan remaja lain di seluruh dunia (Ab. Rahman et al., 2021). Sebagai contoh, kandungan terlarang ini turut disebar dan dikongsi oleh remaja bersama rakan-rakan (Norman & Othman, 2020). Kajian tentang fenomena sebegini ini sukar dijalankan dalam masyarakat timur seperti di Malaysia yang mana mereka tidak membicarakan perkara sensitif secara terbuka dan bahan tersebut dianggap tidak sesuai serta merupakan pantang larang dalam proses sosialisasi oleh kebanyakan individu (Tan et al., 2022). Memandang kepada hala tuju masyarakat hari ini yang banyak terarah kepada konsep budaya hedonisme menjadikan mereka semakin hanyut dalam arus perkembangan dan kemodenan teknologi masa kini (Hamzah et al., 2016; Hamzah et al., 2021). Individu remaja mengakses skrin media terutamanya telefon pintar atas faktor mendapat kepuasan secara peribadi (Dwivedi et al., 2021). Faktor kepuasan serta keseronokan dalam mengakses skrin membawa kepada impak negatif seperti penontonan kandungan terlarang melalui medium pilihan pengguna iaitu teknologi telefon pintar (Levin et al., 2019).

Setiap carian yang diakses dalam internet berkisar pada tujuan hiburan, *escapism*, *relaxing*, mengisi masa lapang dan rangsangan seksual. Justeru menjadi penyebab timbulnya masalah sosial dalam kalangan remaja pada hari ini (Rajak et al., 2022; Zaharman et al., 2022).

Impak ketagihan skrin dan pendedahan kandungan bahan terlarang (pornografi) yang terlalu kerap ke atas remaja menyebabkan golongan ini terjebak dengan masalah sosial dan pelbagai jenayah seperti rogol, gangguan seksual, mengandung anak luar nikah dan sebagainya (Quadara et al., 2017; Rostad et al., 2019). Sebahagian besar kes masalah sosial yang berlaku pada masa kini berpunca dari impak ketagihan skrin dan juga pendedahan bahan tersebut. Sekaligus mengakibatkan remaja yang bermasalah di hantar ke pusat pemuliharan akhlak atau sekolah juvana (Amirul & Nooraini, 2020).

Justeru artikel ini secara khususnya mengkaji dan membincang impak ketagihan skrin telefon pintar dalam kalangan remaja yang sedang menjalani hukuman di Sekolah Tunas Bakti (STB). Kajian ini memberi fokus pada kegiatan atau aktiviti sebelum mereka menjalani hukuman di STB. Selanjutnya memahami implikasi terbesar dari pendedahan atau akses kepada skrin secara berlebihan. Artikel ini turut membincangkan permasalahan dan pengalaman golongan muda ini disabitkan kesalahan jenayah pada peringkat umur kanak-kanak lagi. Pengalaman yang dikongsikan oleh remaja juvana tersebut adalah untuk mencari jalan penyelesaian bagi menangani masalah fenomena yang dikaji. Kajian ini diharap dapat merungkai permasalahan jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di bawah umur, sekaligus dapat memberi lebih banyak informasi sebenar kepada remaja, ibu bapa dan masyarakat. Kajian ini dilihat begitu relevan dalam era pendigitalan hari ini yang mempraktikkan kebergantungan hidup dengan teknologi digital seperti telefon pintar.

#### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual mendalam bagi tujuan pengumpulan data. Temu bual mendalam (*in-depth/depth interview*) adalah salah satu kaedah kajian yang sangat membantu bagi meneroka seluas-luasnya isu yang dikaji. Temu bual secara bersemuka ini merupakan satu proses yang aktif dan melibatkan penemubual dan informan. Kaedah ini adalah unik berdasarkan beberapa faktor iaitu melibatkan sampel kajian dalam kuantiti yang kecil, penelitian data adalah berdasarkan pengalaman, pemikiran dan emosi yang diperolehi semasa temu bual bersama informan. Temu bual bersemuka membolehkan penelitian mendalam ke atas komunikasi non-verbal ketika informan sedang berinteraksi. Justeru pengaruh atau pun peranan penemubual adalah sangat penting sepanjang proses temu bual berlangsung, kerana kejayaan temu bual bersemuka banyak bergantung kepada hubungan erat yang terjalin antara penemubual dan informan. Pendekatan kualitatif secara temu bual mendalam dalam bidang komunikasi adalah kaedah penyelidikan untuk mengumpulkan data tentang persepsi dan pengalaman individu secara ilmiah. Keistimewaan teknik temu bual mendalam dalam penyelidikan kualitatif ini merangkumi cara menyusun pertanyaan, mengelola interaksi temu bual dan menganalisis data (Lessard et al., 2022). Seidman (2022) juga menyatakan rujukan terperinci tentang teknik temu bual mendalam dalam penyelidikan kualitatif, termasuk cara merancang, menjalankan, dan menganalisis temubual. Beliau turut menyentuh tentang strategi mengelola interaksi temu bual dan menangani isu-isu etika dalam penyelidikan.

Pemilihan informan adalah berdasarkan persampelan bertujuan serta memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan. Kriteria utama yang ditetapkan bagi informan kajian seharusnya adalah pengguna telefon pintar secara kerap iaitu sekitar 8 jam ke atas sehari, sebelum informan memasuki Sekolah Tunas Bakti (STB). Bilangan sampel kajian berjumlah 34 orang informan iaitu seramai 17 pelajar juvana lelaki di STB Sungai Besi Kuala Lumpur. Pelajar juvana perempuan di STB Sungai Lereh Melaka juga berjumlah 17 orang. Pemilihan sampel disaring dengan teliti bagi memastikan ketepatan dapatan kajian. Kesemua informan terdiri dari

remaja bermasalah (juvana) yang merupakan individu yang terlibat dengan ketagihan skrin telefon pintar, dan kandungan terlarang di internet. Persampelan bertujuan ini penting bagi memastikan informan merupakan individu yang layak dan sesuai bagi merungkai semua persoalan dalam fenomena yang dikaji. Pada peringkat awal kajian, seramai 20 orang pelajar juvana sahaja diperlukan. Namun telah meningkat menjadi seramai 34 orang pelajar sewaktu kajian sedang dijalankan di kedua-dua buah sekolah ini.

Hal ini kerana pengkaji bersama dengan pihak pengurusan STB telah menambah beberapa pelajar sebagai sampel kajian yang dikira sangat layak bagi menyumbang lebih banyak maklumat dalam kajian. Informan yang dipilih dan ditambah sebagai sampel kajian berikutan beberapa kes spontan yang berlaku di STB sewaktu kajian sedang dijalankan. Contohnya, kes yang terlibat adalah kes liwat dan kes berhubungan sesama jantina. Seterusnya, kriteria informan kajian juga dipilih berdasarkan fail kes yang diteliti oleh pengkaji bersama Pengetua dan Penyelia STB. Informan kajian meliputi kesemua bangsa iaitu Melayu, Cina dan India yang berasal dari bandar dan luar bandar.

Justeru bagi menjaga kerahsiaan dan melindungi maklumat informan, kajian ini menggunakan kod informan RJL (responden juvana lelaki) dan RJP (responden juvana perempuan) yang disusuli dengan nombor giliran temu bual bagi memudahkan proses analisis data dilakukan. Penggunaan set soalan sebagai instrumen kajian lebih praktikal dan berkesan berdasarkan tema yang menjadi panduan sepanjang proses temu bual berlangsung. Memandangkan tema dan hala tuju kajian banyak terarah kepada isu-isu sensitif maka, penemubual menjaga perasaan informan dengan mematuhi etika penyelidikan.

Temu bual mendalam dijalankan pada tarikh 24 Julai 2017 sehingga 2 Ogos 2017 di STB Sungai Besi Kuala Lumpur dan 7 Ogos 2017 sehingga 11 Ogos 2017 di STB Sungai Lereh Melaka. Kaedah ini mendedahkan perkara tersembunyi/tak disangka seperti yang dinyatakan oleh Sigman Freud iaitu *“the more people talk, the more they will reveal”* (Mahat et al., 2021; Nathan & Lancaster, 2019). Proses pengumpulan data dilaksana selepas mendapat surat kebenaran rasmi dan pengesahan menjalankan kajian daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Siswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Analisis data temu bual mendalam dalam kajian ini melibatkan beberapa peringkat, yang pertama ialah proses transkripsi iaitu pemindahan data daripada rakaman audio kepada bentuk transkrip temu bual mendalam. Peringkat seterusnya adalah proses *coding* iaitu meliputi pengkategorian atau pemberian label pada data yang dikumpulkan. Ianya digunakan untuk mengidentifikasi tema atau kategori yang muncul dalam data temu bual mendalam. Setelah itu identifikasi tema dibuat bagi mengidentifikasi tema atau kategori yang muncul dalam data tersebut. Proses ini penting untuk mengidentifikasi pola atau hubungan dalam data. Setelah tema kajian dikategorikan mengikut objektif kajian yang ingin dicapai, proses seterusnya adalah interpretasi makna untuk menghurai, menafsir dan merumuskan kesimpulan dari data yang dikumpulkan (McMullin, 2021; Murthy et al., 2020; Nascimento & Steinbruch, 2019).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati informan terdedah kepada akses skrin yang tinggi dan boleh dikategorikan sebagai ketagihan skrin tegar. Majoriti informan meluangkan waktu mengakses skrin telefon pintar peribadi sekitar 8-10 jam sehari. Malahan ada informan yang mengakui menghabiskan masa dengan telefon pintar. Telefon pintar merupakan sumber hiburan

kepada golongan muda kerana melalui peranti ini banyak kandungan media yang dirasakan boleh menjadi bahan yang melalaikan dan melupakan masalah (Marpaung, 2018; Nasir & Halim, 2022; Yap & Surat, 2023). Justeru, hasil kajian membuktikan bahawa kesan ketagihan skrin yang berlebihan dalam satu tempoh yang lama membawa kepada ketagihan bahan terlarang seperti kandungan pornografi. Pelbagai implikasi negatif yang terhasil dari impak ketagihan skrin yang berlebihan dan menjadi faktor kepada masalah sosial seperti dadah, dunia pelacuran dan banyak lagi.

#### *Ketagihan Skrin Tegar Mendorong Kepada Ketagihan Kandungan Bahan Terlarang*

Kebergantungan untuk mencari hiburan mudah dari peranti telefon pintar mendedahkan informan terhadap penontonan pornografi. Namun penontonan ini kerap dan berterusan, menyebabkan informan terkesan kepada impak negatif yang merosakkan diri mereka. Sehubungan itu kajian mendapati bahawa implikasi terbesar dari ketagihan skrin telefon pintar secara berlebihan dalam kalangan remaja bermasalah menjurus kepada penontonan pornografi yang jauh lebih serius. Kajian ini juga mendapati kesemua informan mengakui bahawa mereka meluangkan masa yang banyak untuk mengakses skrin telefon pintar bagi tujuan mencapai kandungan pornografi tersebut. Kesan daripada akses yang terlalu kerap dan berpanjangan menyebabkan mereka mengalami ketagihan terhadap bahan tersebut. Pernyataan daripada informan adalah seperti berikut:

*First saya tengok (pornografi) saya rasa macam geli... Lepastu lama-lama ketagih macam nak tengok benda tu... Sebab ermm...bosan puncanya saya tengok... Saya banyak tengok *handphone*. Lepastu saya tengok (pornografi) hari-hari... (Informan RJP24).*

*Saya memang banyak masa habis dengan *handset*. Banyak tengok dalam 5 ataupun 6 video lucah sehari. Dia ada yang 15 minit, ada yang 3 minit. Tapi banyak video (Informan RJP34).*

*Handphone berfungsi sebagai hiburan kepada saya. Saya dapat bahan lucah dari internet, cari dalam *website*, taip saja... (Informan RJL15).*

Berdasarkan pernyataan di atas terdapat hubungan yang saling berkait rapat antara ketagihan skrin dan akses kepada kandungan pornografi. Kebolehcapaian yang mudah dan cepat melalui telefon pintar kepada bahan-bahan ini mendorong kepada penontonan yang lebih kerap dan terancang (Varatharajoo et al., 2020). Penggunaan telefon pintar untuk mencari sumber hiburan, khususnya dalam kalangan remaja yang mudah terpengaruh, membuka jalan kepada potensi akses kepada kandungan bahan terlarang yang tidak bersesuaian bagi peringkat umur mereka. Adalah penting untuk meneliti implikasi dari penontonan bahan ini yang terlalu kerap dan berterusan. Penggunaan yang berlebihan dan ketagihan terhadap kandungan sebegini tidak hanya merosakkan perkembangan mental dan emosi pengguna tegar, tetapi juga membawa implikasi negatif terhadap hubungan sosial (bersama masyarakat sekeliling) dan hubungan seksual (bersama pasangan) dalam jangka masa panjang (Norman & Othman, 2020).

Seterusnya, penontonan yang berpanjangan terhadap akses skrin untuk mencapai bahan-bahan ini mendedahkan informan tentang hubungan seksual sekaligus menjurus kepada galakan untuk melakukannya. Oleh itu, dalam konteks ini, ketagihan skrin telefon

pintar yang berlebihan dalam kalangan remaja bermasalah boleh membawa kepada ketagihan kandungan yang kurang baik dan terlarang seperti penontonan pornografi. Penelitian ini menyoroti pentingnya memahami bahaya yang mungkin timbul akibat ketagihan skrin terutamanya dalam kalangan golongan muda. Kajian ini menggariskan perlunya literasi dan kesedaran mengenai penggunaan skrin telefon pintar secara bertanggungjawab. Perlunya tindakan serta pendekatan dalam mencari strategi penyelesaian masalah yang lebih sesuai bagi membantu individu yang terlibat dalam isu ini (Kholisoh et al., 2022). Bagi menangani isu ini secara berkesan, perlu ada pendekatan holistik yang melibatkan keluarga, pendidik, dan pihak berkuasa dalam memperjuangkan dan meningkatkan kesedaran mengenai impak negatif ketagihan skrin. Selain itu pemerkasaan program-program pencegahan dan pemulihan dapat membantu mengatasi ketagihan skrin dan kandungan pornografi. Oleh itu, semua pihak perlu mempromosikan gaya hidup sihat dan seimbang dalam penggunaan teknologi komunikasi telefon pintar dalam kehidupan (Mohd Azrin & Nurul Fatihah, 2020).

#### *Penontonan Kandungan Bahan Terlarang Dianggap Sebagai Bahan Hiburan*

Ketagihan pornografi merujuk kepada seseorang individu yang mempunyai dorongan tidak terkawal untuk mengakses atau mencari bahan terlarang ini dan turut terlibat dalam aktiviti tersebut. Hal ini menjadikan kualiti kehidupan dari segi hubungan dan kesejahteraan individu tersebut. Bukan setakat itu sahaja, pengaruh tontonan turut menyebabkan informan kajian memberi alasan yang pelbagai untuk kerap mencari dan mengakses bahan tersebut. Bahan terlarang ini dinilai sebagai salah satu bentuk hiburan yang boleh membantu menenangkan tekanan perasaan, melupakan masalah serta salah satu bentuk rangsangan yang menjadikan mereka lebih gembira. Pengalaman ini dinyatakan oleh informan seperti berikut:

Haa sebab saya rasa cam...benda ni nak hilang *stress*... benda tu je yang buat kita hilang *stress*, kita *enjoy*.... Rata-rata kawan semua tengok...  
masa kita orang lepak-lepak pon dorang ada cakap-cakap pasal benda tu...  
(Informan RJP23).

*Okey saya tengok pornografi, saya expect... saya expect, my expectation-lah... er...macam mana eh? Kenikmatan...* (Informan RJP30).

Saya rasa terangsang, kadang-kadang rasa stim... tengok video lucah tu lagipun sebab saya sukalah... (Informan RJP21).

Penggunaan atau akses terhadap skrin telefon tidak semestinya menyebabkan ketagihan terhadap kandungan pornografi secara langsung. Namun pendedahan dan ketagihan yang tinggi dan berterusan berupaya menyumbang kepada kandungan sebegini (Ali et al., 2021). Kebiasaan ketagihan kandungan ini berlaku atas faktor dan dorongan yang tidak terkawal dari dalam diri seseorang individu itu sendiri. Hal ini kerana tidak semua pengguna yang ketagih kepada skrin telefon pintar yang tegar akan mengalami ketagihan kepada kandungan ini. Namun terdapat faktor-faktor lain seperti kecenderungan genetik, masalah pengendalian emosi, situasi kesejahteraan mental dan psikologi, perasaan kesunyian dan masalah dalam hubungan bersama pasangan atau keluarga mempengaruhi risiko pencarian bahan ini di skrin media (Love et al., 2015; Duffy et al., 2016; Setyawati et al., 2020).

Akses kepada kandungan bahan tersebut secara berlebihan boleh mendorong fungsi otak dalam perlepasan hormon dopamin iaitu sejenis bahan kimia yang terembes akibat dari rasa seronok dan ghairah. Proses ini juga menjadi penyumbang kepada dorongan untuk mencari dan meneroka dengan lebih mendalam kandungan ini, sekaligus memberi peningkatan untuk mencari lebih banyak lagi rangsangan dan dorongan kepuasan (Di Dio, 2022; Rahman et al., 2022). Peningkatan pengeluaran hormon ini boleh mengakibatkan kesan yang buruk terhadap tahap kesihatan mental remaja. Peningkatan hormon secara tidak stabil mengakibatkan kesan ketagihan yang memberi impak besar dalam kehidupan. Sebagai contoh seseorang individu yang mengeluarkan hormon dopamin secara berlebihan boleh mengalami masalah kemurungan dan bertindak di luar kewajaran (Almachnee & Cozzie, 2022).

#### *Penubuhan Platform Pengumpulan Kandungan Bahan Terlarang*

Kajian juga mendapati impak dari ketagihan skrin dan bahan terlarang ini mendorong informan terlibat dalam pembentukan kumpulan (*group*) untuk pengumpulan bahan di aplikasi WhatsApp telefon pintar. Pembinaan kumpulan berfungsi sebagai medium untuk berkongsi kandungan bahan terlarang ini. Pelbagai nama untuk kumpulan dilabelkan seperti ‘Western’, ‘Budak Sekolah’ dan sebagainya. Menurut informan kumpulan tersebut ditubuhkan sebagai platform pengumpulan bahan pornografi semata. Berikut merupakan pernyataan informan:

Kita orang ni banyak group tau, separuh dalam hensem ada 4 group.

Macam-macam lah ‘fly tanpa rasa melekit’. Yang koneksi hitam jelah betul-betul *blue*.

Adalah *group WhatsApp* untuk share bahan-bahan lucu tu. Memang penuh video lucu kalau macam pagi saya bukak ada 100, 500, ada cecah seribu pon ada, kalau saya padam benda *group* tu dia orang *admin*, masukkan saya balik... tak lebih macam 400 sehari. macam tulah... saya pun ada *share*, dalam tak banyak pon 2, 3 video je (Informan RJP20).

Ada group... er... selalunya diorang akan post banyak-banyak tau... erm... ada yang post punya... tak tahu, tak ingat. Banyaklah... Saya *download* (pornografi) daripada situ, dekat *WhatsApp*. Kawan saya *invite* saya masuk dalam *group WhatsApp*. Masa tingkatan tiga... lepas tu saya *share* dekat *member* yang lain (Informan RJP32).

Penubuhan platform pengumpulan bahan ini adalah isu yang sangat serius dan memerlukan perhatian dari banyak pihak terutama masyarakat, pihak berkuasa mahupun institusi pendidikan. Ianya bukan sahaja melibatkan penyebaran bahan-bahan terlarang yang tidak sesuai dengan perkembangan mental dan emosi, malahan boleh memberi kesan buruk kepada perkembangan seksual seorang kanak-kanak dan remaja. Penubuhan platform tersebut mempengaruhi pandangan mereka terhadap hubungan antara manusia serta mendorong kepada masalah kesihatan mental dan emosi yang tidak stabil (Norman & Othman, 2020). Pendedahan kepada platform pengumpulan bahan ini dalam usia muda juga

\*Penulis koresponding: azul@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-17>

Diterima: 30 November 2023 | Diperakulkan: 7 February 2024 | Diterbitkan: 30 Mac 2025

mempengaruhi perkembangan hubungan sosial, menyebabkan pergaulan yang tidak sihat, dan meningkatkan risiko eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak. Penubuhan platform pengumpulan bahan sebegini adalah pelanggaran serius terhadap kepentingan dan kesejahteraan golongan muda. Platform tersebut melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia dan keselamatan kanak-kanak, serta mencemar tanggungjawab semua pihak untuk melindungi generasi muda daripada paparan bahan pornografi yang memacu ke arah gejala berbahaya/berisiko tinggi (Azhar et al., 2018; Herring et al., 2022; Sinaga et al., 2022).

Tambahan lagi kewujudan platform media sosial pada masa kini berdepan dengan risiko buli siber dan gangguan seksual siber. Gangguan seksual siber ini merangkumi kandungan digital (imej, video, mesej teks langsung) dan kes-kes seperti ini lazimnya akan menimbulkan rasa resah dan gangguan emosi yang mendalam kepada mangsa/penerima (Mohd Azrin & Nurul Fatihah, 2020; Liyana & Mohd Azul, 2023).

#### *Pendedahan Kepada Kegiatan Seksual, Ketagihan Seks dan Melanggan Pelacur*

Kajian mendapati impak ketagihan skrin terhadap penontonan yang tidak sihat ini merangsang informan untuk mula berjinak-jinak dengan masalah sosial yang lain seperti perlakuan seksual walaupun di peringkat umur yang muda dan masih dalam kategori kanak-kanak. Pendedahan dan keterbukaan pada bahan terlarang ini sangat membimbangkan apabila ia menjadi salah satu faktor pendorong awal untuk kegiatan seksual dalam kalangan remaja. Malahan beberapa informan kajian juga menyatakan mereka terdesak untuk melakukan hubungan seksual dengan orang dewasa (orang sekeliling atau dalam lingkungan) kesan dari ketagihan skrin yang tinggi terhadap penontonan kandungan yang tidak sihat ini. Berikut merupakan beberapa pernyataan pengalaman informan yang terjebak dalam kegiatan seksual pada peringkat umur yang masih terlalu awal:

Hah tengok pornografi la puan... join la puan sebab yang tu hmm... gi tandas.  
Darjah enam (12 tahun) la saya pernah raba orang (Informan RJL11).

Perlukan bende lain... perlu mencuba. Saya pernah buat hubungan seks selepas tonton video lucah dengan pembantu rumah bapak saya. Dia umur 19 tahun... saya mase tu umur 13 ha... 13 tahun lah macam tu... sebelum masuk dalam (STB) la. Tengah tingkatan satu (Informan RJL17).

Kemajuan teknologi dan maklumat menyumbang kepada akses yang semakin mudah kepada kandungan bahan terlarang ini. Justeru itu golongan remaja selaku pengguna telefon pintar dan pengakses Internet mudah terdedah kepada bahaya ini serta memberi kesan kepada tingkah laku seksual yang menyimpang dari landasan hidup yang sihat (Yunengsih & Setiawan, 2021). Implikasi dari pendedahan pada kandungan bahan terlarang ini dalam jangka masa yang panjang serta konsisten menyebabkan penonton tegar bertindak balas secara mental dan fizikal kesan dari bahan atau kandungan yang diakses. Tindak balas ke atas bahan tersebut menjadikan mereka lebih agresif sekiranya hormon dopamin dirembes dengan kadar yang berlebihan menyebabkan kesan ketagihan bertambah teruk (Faisal et al., 2022). Seterusnya, perubahan tingkah laku ini menjadikan mereka cenderung ke arah perlakuan seksual dan boleh bertindak ganas sekiranya kemahuan tersebut tidak dituruti. Imaginasi yang terhasil dari kandungan bahan terlarang tersebut mendorong mereka

mencuba perlakuan yang terdapat dalam bahan sehingga boleh mewujudkan pemerdayaan cara fikir dan prinsip seseorang individu dalam membuat keputusan (Rasul et al., 2022).

Ketagihan skrin untuk penontonan kandungan bahan terlarang ini menjadikan informan yang terlibat sukar untuk keluar dari gejala tersebut. Tambahan, ketagihan ini telah membawa informan kepada perlakuan dan aktiviti seksual seperti seks rambang. Kajian mendapati kandungan bahan terlarang memberi kesan kepada tingkah laku untuk melanggan GRO/pelacur bagi melampiaskan nafsu mereka. Penontonan kandungan ini yang terlalu kerap menjadikan informan cepat terangsang kepada aktiviti seksual. Tidak kurang juga ada yang mempergunakan teman/pasangan cinta seperti yang dikongsikan oleh informan seperti berikut:

Saya... bila rasa macam (ghairah) tu... saya terus pergi tempat tu, langgan pelacur banyak kali.

Ada lah dalam 20 kali... saya langgan GRO

Chow Kit ada... perempuan... GRO... selalu nya benda

tu terjadi sebabkan penontonan video lucah...Hehehe... rangsang diri sendiri...

Hmm... (Informan RJL15).

Entah... setiap hari bila jumpa...nak seks je... lepas tengok hehehe... (Informan RJP19).

Bila saya rasa saya nak buat benda (seksual) tu, saya akan tengok ‘benda’ tu, ‘ajak’ boyfriend saya... (Informan RJP23).

Saya gi cari awek la lepas saya tengok video-video lucah tu. Tu la... kira tengok video lucah la terjebak dengan kegiatan seks (Informan RJL4).

Seterusnya, kajian mendapati majoriti informan mengakui rasa ghairah untuk melakukan hubungan seksual selepas penontonan kandungan bahan terlarang di skrin telefon pintar mereka. Justeru informan yang tidak dapat melakukan hubungan seksual bertindak melakukan perlakuan masturbasi, meskipun sewaktu sudah berada di STB. Lebih malang lagi, pengakuan dari beberapa informan bertindak meliwat dan melakukan seks secara paksa ke atas rakan di STB. Ini adalah tingkah laku ataupun tindak balas mereka, kerana tidak dapat melakukan hubungan seksual seperti sebelumnya (sebelum masuk ke STB). Seramai 30 orang informan berkongsi pengalaman bahawa mereka bukan sahaja ketagihan skrin untuk mengakses kandungan bahan terlarang malahan turut mengalami ketagihan untuk melakukan hubungan seksual. Berikut merupakan pengakuan dari beberapa informan kajian:

Ha... ada orang hantar video lucah. *Start* daripada tu saya guna telefon cari video lucah. *Start* tu saya jadi ketagih semua. Ramai dah saya buat seks. Budak Kedah, Budak Terengganu banyaklah (Informan RJP29).

Ada lah kira macam lepas saya buat seks tu saya rasa macam nak buat lagi lah, sampai macam nak tidur pun saya terbayang. Kira punca saya tengok video lucah tu lah bila saya dah tengok saya rasa nak cuba lah... saya ketagih seks (Informan RJL3).

Yes... Saya ketagihan seks. Walaupun saya dah tak tengok benda tu... tapi setiap kali saya dekat rumah... saya rasa macam nak benda (seks) tu (Informan RJP23).

Informan cenderung mencari kandungan bahan terlarang di internet atas sebab ketagihan yang perlu dipenuhi oleh minda mereka. Para informan turut mengakui sentiasa mencari bahan baru di internet bagi memenuhi gejala ketagihan tersebut. Tambahan lagi terdapat juga informan yang merasa takut untuk mula menonton bahan tersebut kerana secara spontan mereka akan terangsang dan bertindak untuk melakukan aktiviti seksual. Hal ini membuktikan kesannya amat mendalam selepas melalui pengalaman setiap kali penontonan kandungan bahan terlarang. Antara kesan serius yang dihadapi oleh mereka selepas penontonan adalah kecenderungan untuk melakukan perbuatan seksual. Berikut merupakan pernyataan yang dikongsikan oleh informan:

Dekat *WeChat* pernah sekali kawan saya hantar gambar macam tu... tapi saya padam terus... saya tak nak letak dekat *handset* saya takut tengok. Saya kalau saya tengok... saya kena buat... saya takkan puas kalau just lihat saja (Informan RJL15).

Kajian membuktikan terdapat banyak impak negatif dari ketagihan skrin telefon pintar ini. Perkara ini sangat penting dan perlu dibincangkan secara bijaksana untuk mencari jalan penyelesaiannya. Adalah wajar mengutamakan rasa hormat dalam kesejahteraan hidup individu terlibat terutamanya kanak-kanak dan remaja yang berkongsi pengalaman mereka pada kajian. Implikasi terbesar ketagihan skrin telefon pintar yang membawa kepada kehancuran sahsiah diri sehingga terlibat dalam kegiatan seksual dan sebagainya. Justeru apa yang paling menakutkan adalah risiko yang akan dihadapi oleh remaja dan keluarga seperti risiko kehamilan remaja bawah umur, jangkitan penyakit seksual, trauma emosi dan sebagainya. Selain itu, mereka berpotensi mengalami gangguan perkembangan emosi, sosial, serta membawa kepada konflik identiti serta menjurus pada hubungan tidak sihat (Norman & Othman, 2020).

Sekiranya dilihat dari sudut pendidikan, sudah tentu kualiti pencapaian akademik juga berpotensi terjejas akibat komitmen terhadap kegiatan yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka. Ini membuktikan, ketagihan skrin telefon pintar dan kandungan pornografi menyebabkan informan atau remaja terlibat sukar untuk menerima ilmu dengan mudah. Hal ini kerana ketagihan terhadap kandungan pornografi menyebabkan fungsi otak terganggu, seperti yang dikongsikan oleh informan RJL10. Beliau mengakui bahawa kesan ketagihan skrin telefon pintar mahupun penontonan terhadap kandungan pornografi menyebabkan sukar untuk belajar serta hilang fokus dalam pelajaran (Zain et al., 2022).

Seterusnya impak dari ketagihan ini menyebabkan remaja tersebut berpotensi mengalami gangguan mental dan emosi yang tidak stabil (Norman & Othman, 2020). Ianya berupaya menyebabkan kecelaruan emosi dan kemurungan. Selain itu, mereka juga berpotensi hilang kawalan diri sehingga bertindak melakukan tindakan yang boleh mengganggu kehidupan diri dan orang sekeliling. Individu yang mengalami ketagihan mungkin terlibat dalam tingkah laku yang negatif seperti seksual berisiko tinggi dan tidak selamat (Rasul et al., 2022).

**Kegiatan Jenayah Rogol & Penyalahgunaan Dadah Bagi Memperdayakan Mangsa Seksual**

Kajian mendapati, impak ketagihan kandungan pornografi mendorong informan menggunakan dadah sebagai bahan yang berfungsi untuk memperdayakan mangsa bagi memenuhi nafsu mereka. Penyalahgunaan dadah jenis Eramin 5 dan Ketamin adalah salah satu tingkah laku jenayah yang merbahaya kepada mangsa dan pemangsa. Kajian mendapati bahawa ketagihan skrin yang tinggi mendedahkan informan mencuba aksi dalam kandungan pornografi. Penontonan yang berulang-ulang menjadikan mereka mula menguasai dan menghayati kandungan tersebut. Penghayatan dan kepuasan yang didapati dari penontonan akan menjadi landasan tingkah laku selanjutnya. Sebagai contoh, informan terdedah dan mencari maklumat tentang dadah yang boleh menghayalkan bagi tujuan merogol mangsa. Kes subjek kajian informan RJL15 yang menggunakan dadah jenis Eramin 5 untuk memperdaya seorang wanita agar berada dalam keadaan minda bawah sedar untuk tujuan merogol mangsa. Berikut merupakan pernyataan informan:

Saya masa tu takde duit nak langgan GRO. Saya pergi rumah sebelah... pastu...ada ubat satu tu... *five* (Dadah Ketamin *Five*) *Five* tu... saya bagi dekat perempuan jiran saya... Kalau Perempuan makan ubat tu... lain macam... macam... tak boleh tahan... tak boleh *control* diri sendiri. Dia *turn on*... ok... dia ghairah lah. Saya bukak lagu... saya layan... layan. Perempuan tu pelok saya kuat-kuat... sambil *dance*. Hmm... dia tak sedar masa saya buat hubungan seks dengan dia... separuh sedar. Dia memang tak ingat... apa yang terjadi tu... dia akan lupa... lepas ubat tu habis... macam pening tu... dalam 2 jam. Maknanya memang dia tak ingat apa-apa. Ha... perempuan tu *virgin* lagi (Informan RJL15).

Hasil temubual yang dijalankan ke atas remaja juvana, jelas menunjukkan bahawa penontonan kandungan bahan terlarang adalah sesuatu yang dipilih oleh mereka. Majoriti mereka memilih secara sedar dan maklum bahawa bahan tersebut boleh memberi kesan kepada diri. Anderson (2024) turut menyokong bahawa dalam perbahasan teori kegunaan dan kepuasan menjelaskan, khalayak media membuat pilihan secara sedar, mudah terangsang kepada saluran atau kandungan yang diberikan. Mereka turut cenderung berkongsi dan mencari tahu maklumat lanjut secara terbuka.

Isu jenayah rogol dan penyalahgunaan dadah (bagi memperdayakan mangsa) adalah salah satu tingkah laku buruk yang mempengaruhi remaja mahupun kanak-kanak kesan dari pengaruh penontonan kandungan pornografi (Azizan et al., 2022). Tekanan sosial yang dialami oleh remaja untuk tampil normal dalam masyarakat menjadi antara punca mereka mencuba sesuatu untuk meraih perhatian orang lain. Selain itu peranan teknologi komunikasi yang serba canggih banyak memberi pendedahan dalam penyebaran aktiviti jenayah seperti jaringan penyalahgunaan dadah atau jenayah seksual kepada khalayak media. Pendedahan yang berulang kali ini memberi kefahaman bahawa jenayah tersebut adalah sesuatu yang normal dalam kalangan masyarakat hari ini. Sebaliknya, sikap ketidakpedulian atau keengganan masyarakat untuk melaporkan jenayah menjadikan isu ini semakin melarat serta berbahaya (Ali et al., 2023; Hedidi, 2023). ALI

Jenayah sebegini dalam kalangan remaja adalah perkara serius yang perlu ditangani oleh semua pihak. Tindakan pencegahan dan pemulihan seharusnya melibatkan langkah-langkah seperti memberi pendidikan, kesedaran mengenai risiko serta kesan buruk kegiatan tersebut. Penggunaan teknologi komunikasi tanpa kawalan dan kekurangan didikan agama menjadi antara asbab kepada kepincangan yang berlaku (Azizan et al., 2022). Tindakan

pemulihan mangsa oleh bantuan pakar, penguatkuasaan undang-undang, dan tindakan menyeluruh terhadap kawalan serta pengawasan aktiviti akses skrin telefon pintar bagi mencegah remaja dalam tingkah laku negatif ini sangat perlu. Kewujudan program mentor dan sokongan sosial untuk membantu remaja dalam melakukan aktiviti positif adalah salah satu tindakan kolektif untuk mengatasi isu jenayah dalam kalangan remaja. Hal ini melibatkan pendidikan, kesedaran, pencegahan, pemulihan serta tindakan undang-undang yang tegas secara konsisten dan bersepada oleh semua pihak. Secara kesimpulannya, kajian ini menegaskan sifat ketagihan skrin telefon pintar yang tidak terkawal dan tinggi membawa kepada ketagihan kandungan pornografi mahupun jenayah berat. Oleh itu, proses memberikan pendidikan dan pemulihan berjalan seiiring dengan penglibatan semua pihak dari setiap lapisan masyarakat. Permasalahan berat seperti ini sangat penting dimulai dari akar umbinya iaitu dengan mengetengahkan peranan ibu bapa sebagai agen penting dalam proses pemantauan penggunaan gajet dan masa mengakses skrin secara keseluruhannya (Nurhamizah & Asbah, 2019; Maizatul Haizan & Mohd Isma Fahmie, 2020).

### KESIMPULAN

Kebebasan dalam akses skrin telefon pintar telah membawa kepada permasalahan ketagihan yang mendarangkan impak serta cabarannya pada hari ini. Lantaran dari kebebasan tersebut wujud pelbagai permasalahan seperti keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Justeru berdasarkan kajian ini dapat disimpulkan bahawa ketagihan skrin telefon pintar yang tinggi mengakibatkan remaja terdedah kepada penontonan kandungan bahan terlarang seperti pornografi. Kesan ketagihan penontonan kandungan yang tidak terkawal turut mengakibatkan lebih banyak lagi masalah berat sehingga terbabit dalam kegiatan jenayah. Hal ini terbukti bahawa remaja yang terjebak dalam penontonan bahan ini secara tegar, berisiko tinggi melakukan pelbagai kesalahan tingkah laku jenayah. Antara kesalahan jenayah yang direkodkan dalam kajian ini adalah kesalahan jenayah seperti rogol, liwat, masalah sosial, mengandung luar nikah, gangguan seksual/amang seks, memperdayakan mangsa dengan penyalahgunaan dadah dan setara, seksual siber dan banyak lagi. Kajian ini dilihat dapat membantu memberi kesedaran kepada ibu bapa atau penjaga dalam membuat keputusan untuk memberi peralatan komunikasi seperti telefon pintar (tanpa kawal selia yang teliti) kepada anak-anak. Akses yang berlebihan dari anak-anak akan memberi implikasi yang kompleks dan melibatkan pelbagai aspek termasuk melumpuhkan sahsiah serta jati diri remaja.

### BIODATA

*Norhawaniirwana Binti Habidin* adalah pelajar pengajian Doktor Falsafah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Email: hawanirwana@gmail.com

*Dr. Mohd Azul Mohamad Salleh* adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang kajian beliau adalah media baharu dan teknologi komunikasi. Email: azul@ukm.edu.my

## RUJUKAN

- Ab. Rahman, N. A. @ N. A., Tengku Maaidah Tengku A. Razak, Nik Nurul Akmal Ab. Alim, Nur Kamilah Kamaruddin, Najahudin Lateh, & Nurhidayah Hashim. (2021). Pornografi dalam kalangan remaja Generasi Z menurut perspektif Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 67–78.
- Abd Rahim, A., & Zulkifli, H. (2022). Kewajaran membenarkan pelajar membawa telefon pintar ke sekolah dari aspek kualiti akhlak pelajar. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(3), 128-136.
- Ali, A. A. Z., Muhammad, N. A., Jamil, T. R., Ahmad, S., & Abd Aziz, N. A. (2021). Internet pornography exposures amongst young people in Malaysia: A cross-sectional study looking into the role of gender and perceived realism versus the actual sexual activities. *Addictive Behaviors Reports*, 14, 100350.
- Ali, S., Haykal, H. A., & Youssef, E. Y. M. (2023). Child Sexual abuse and the internet — A systematic review. *Human Arenas*, 6(2), 404-421.
- Almachnee, R., & Cozzie, M. (2022). Social media and dopamine: Studying Generation Z and dopamine levels. *Journal of Student Research*, 11(4).
- Amirul Ashraaf Norman, & Nooraini Othman. (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: Faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205-215.
- Ammer, F. F., & Salleh, S. (2023). Impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 1–9.
- Anderson, K. (2024). What audiences do with news: A broader definition of news consumption. *Media International Australia*. <https://doi.org/pd2n>
- Azhar, A., Wahab, H. Y., Yusuff, Y., & Arshad, A. (2018). Jaminan perlindungan dan kebijakan kanak-kanak: Amalan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(10), 33-51.
- Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2022). Faktor penglibatan salah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Kajian di pusat pemulihan. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 59-74.
- Duffy, A., Dawson, D. L., & Das Nair, R. (2016). Pornography addiction in adults: A systematic review of definitions and reported impact. *The Journal of Sexual Medicine*, 13(5), 760-777.
- Di Dio, A. (2022). PORN! Internet pornography's effects on the brain and adolescent sexual development. *The Synapse: Intercollegiate Science Magazine*, 31(1), 10.
- Dwivedi, Y. K., Ismagilova, E., Hughes, D. L., Carlson, J., Filieri, R., Jacobson, J., Jain, V., Karjaluoto, H., Kefi, H., Krishen, A. S., & Kumar, V. (2021). Setting the future of digital and social media marketing research: Perspectives and research propositions. *International Journal of Information Management*, 59, 102168.
- Faisal, N. A., Johari, K. S. K., Amat, M. I., & Yusof, R. (2022). Pornography addiction on adolescent: A systematic review of reported impact on brain and sexual behavior. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 2028–2041.
- Hamzah, S., Yusoff, N. H., Ani, F., & Damin, Z. A. (2021). Kesan hedonisme kepada generasi muda: Kajian kes di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Pagoh. *e-BANGI*, 18(2), 98-108.

- Hamzah, H., Sabjan, M. A., & Akhir, N. S. M. (2016). Konsep budaya hedonisme dan latar belakangnya dari perspektif ahli falsafah Yunani dan Barat Modern. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(1), 49-58.
- Hedidi, M. (2023). Sexual cybercrime: The transition from the virtual aggression to the physical aggression. In R. Scendoni & F. De Micco (Eds.), *Forensic and legal medicine - State of the art, practical applications and new perspectives*. IntechOpen. <https://doi.org/10.5772/intechopen.108786>
- Herring, T. (2022). The multidisciplinary, interdisciplinary, and international global policy outlook of the optional protocol on the sale of children, child prostitution and child pornography. In J. Zajda & Y. Vissing (Eds.), *Discourses of globalisation, ideology, and human rights* (pp. 149-167). Cham: Springer International Publishing.
- Hu, S., Hu, L., & Wang, G. (2020). Moderating role of addiction to social media usage in managing cultural intelligence and cultural identity change. *Information Technology & People*, 34(2), 704-730.
- Ishmuradova, I., Chistyakov, A., Klebanov, L., Sliusar, V., Sliusar, M., Devyatkin, G., & Drobysheva, N. (2024). A decadal review of the role of communication-mobile technologies in promoting digital inclusion: Digital divide. *Online Journal of Communication and Media Technologies*, 14(3). <https://doi.org/pd2p>
- Kasim, A., & Awan Ismail, C. W. (2022). Etika dan peraturan media sosial: Kajian sekatan Facebook terhadap media di Malaysia. *International Journal of law, Government & Communication*, 7(28), 296-314.
- Kholisoh, N., Saleh, M. S. M., Mahmudah, S. M., & Ismail, N. (2022). Youth character building anti-pornography in South East Asia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 62-78.
- Lessard, L., Oberholtzer, C., Shaver, A., Newel, G., Middleton, E., Kuppermann, M., & Capitman, J. (2022). Using community-based participatory research to design a patient and practitioner-centered group prenatal care model. *Health Promotion Practice*, 15248399221098015.
- Levin, M. E., Lee, E. B., & Twohig, M. P. (2019). The role of experiential avoidance in problematic pornography viewing. *The Psychological Record*, 69(1), 1-12.
- Liyana Mohd Ramly, & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2023). Buli siber: Gangguan seksual siber terhadap selebriti di laman media sosial Instagram. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 200-223.
- Love, T., Laier, C., Brand, M., Hatch, L., & Hajela, R. (2015). Neuroscience of internet pornography addiction: A review and update. *Behavioral Sciences*, 5(3), 388-433.
- Mahat-Shamir, M., Neimeyer, R. A., & Pitcho-Prelorentzos, S. (2021). Designing in-depth semi-structured interviews for revealing meaning reconstruction after loss. *Death Studies*, 45(2), 83-90.
- Maizatul Haizan Mahbob, & Mohd Isma Fahmie Nordin Ahmad. (2020). Pengaruh gaya pemantauan media ibu bapa muda terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak yang terdedah dengan gajet. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23, 15-30.
- Marpaung, J. (2018). Pengaruh penggunaan gadget dalam kehidupan. *KOPASTA: Journal of the Counseling Guidance Study Program*, 5(2).
- McDonald, P. (2019). *Video and DVD industries*. Bloomsbury Publishing.

- McMullin, C. (2021). Transcription and qualitative methods: Implications for third sector research. *VOLUNTAS: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 1-14.
- Mohd Azrin Mohd Nasir & Nurul Fatihah Mohd Rosdi. (2020). Gangguan seksual di media sosial dalam kalangan remaja perempuan: Satu tinjauan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23, 5-14.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 7(2).
- Nasir, S. N. A., & Halim, H. A. (2022). Pengaruh positif dan negatif dalam permainan games di internet kepada psikologi kanak-kanak. *Jurnal ILMI*, 12(1), 68-83.
- Nascimento, L. D. S., & Steinbruch, F. K. (2019). "The interviews were transcribed", but how? Reflections on management research. *RAUSP Management Journal*, 54, 413-429.
- Nathan, S., Newman, C., & Lancaster, K. (2019). *Qualitative interviewing*. Springer Nature.
- Norman, A. A., & Othman, N. (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: Faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205-215.
- Nurhamizah, H., & Asbah, R. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 337-352.
- Paulus, F. W., Ohmann, S., Von Gontard, A., & Popow, C. (2018). Internet gaming disorder in children and adolescents: A systematic review. *Developmental Medicine & Child Neurology*, 60(7), 645-659.
- Quadara, A., El-Murr, A., & Latham, J. (2017). The effects of pornography on children and young people: An evidence scan. Australian Institute of Family Studies.
- Rahman, N. A. A., Razak, T. M. T. A., Mohmud, M. S., Harun, N. U., Tukiran, A. Y., Hashim, N. M., & Rasit, R. M. (2022). The implications of pornography addiction among adolescents. *Journal of Positive School Psychology*, 6(3), 8904-8913.
- Rajak, B. K., Singh, S., & Paliwal, M. (2022). The dark side of overuse of internet: A study of Indian college students. *Asia Pacific Journal of Health Management*, 17(1), 18-26.
- Rasul, T. F., Schwartz, K. R., Qureshi, F., Eachus, E., Henderson, A., & Qureshi, F. M. (2022). The potential cutaneous effects of pornography addiction: A narrative review. *Cureus*, 14(12).
- Rostad, W. L., Gittins-Stone, D., Huntington, C., Rizzo, C. J., Pearlman, D., & Orchowski, L. (2019). The association between exposure to violent pornography and teen dating violence in grade 10 high school students. *Archives of Sexual Behavior*, 48, 2137-2147.
- Rowland, D. L., Morrow, A. L., Hamilton, B. D., & Hevesi, K. (2022). Do pornography use and masturbation frequency play a role in delayed/inhibited ejaculation during partnered sex? A comprehensive and detailed analysis. *Sexes*, 3(1), 115-133.
- Roztocki, N., Soja, P., & Weistroffer, H. (2019). The role of information and communication technologies in socioeconomic development: Towards a multi-dimensional framework. *Information Technology for Development*, 25, 171 - 183.
- Rusi, I., Lailiya, M., & Riyadi, D. (2022). Peningkatan pengetahuan generasi muda dalam etika penggunaan teknologi informasi dan komunikasi. *Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 4(3). <https://doi.org/10.20527/btjpm.v4i3.5772>
- Seidman, I. (2022). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and the social sciences* (5th edition). Teachers College Press.
- Setyawati, R., Hartini, N., & Suryanto, S. (2020). The psychological impacts of internet pornography addiction on adolescents. *Humaniora*, 11(3), 235-244.

- Sinaga, R. M., & Wardaya, M. K. (2022). The right to be forgotten as protection for children victims of non-consensual pornography crime. *Jurnal Dinamika Hukum*, 21(2), 241-253.
- Sinurat, R., Djakfar, Y., & Rosihan, A. (2022). Identitas remaja penggunaan media sosial Litmatch. *Jurnal MASSA*, 3(1), 91-104.
- Tan, S. A., Ng, S. H. L., Hoo, J. J. Y., Gan, S. W., Nainee, S., Yap, C. C., Lee, L. K., Mohd Zaharim, N., & Goh, Y. S. (2022). The pornography use and its addiction among emerging adults in Malaysia: Perceived realism as a mediator. *PloS One*, 17(5), e0268724.
- Varatharajoo, T., Abdullah, H., & Nor, M. (2020). Hubungan antara ketagihan pornografi dan jenis trait personaliti dalam kalangan remaja. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-8.
- Wacks, Y., & Weinstein, A. M. (2021). Excessive smartphone use is associated with health problems in adolescents and young adults. *Frontiers in Psychiatry*, 12, 762.
- Yap, J. S., & Surat, S. (2023). Pengaruh kesepian dan harga diri terhadap permasalahan penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 737-751.
- Yunengsih, W., & Setiawan, A. (2021). Contribution of pornographic exposure and addiction to risky sexual behavior in adolescents. *Journal of Public Health Research*, 10(1\_suppl), jphr-2021.
- Zaharman, Z., Arini, A., & Novianti, S. (2022). Dampak penggunaan internet bagi mahasiswa di saat Covid-19 (Studi kasus pada mahasiswa Jurusan Akuntansi Universitas Lancang Kuning). *Jurnal Akuntansi Kompetif*, 5(1), 85-89.
- Zain, Z. M., Jasmani, F. N. N., Haris, N. H., & Nurudin, S. M. (2022, September). Gadgets and their impact on child development. *Proceedings*, 82(1), 6. <https://doi.org/pd2q>